



## **Zamalah Universiti Penyelidikan**

Universiti Kebangsaan Malaysia mempelawa individu yang berkelayakan untuk memohon pembiayaan kewangan Skim Zamalah Universiti Penyelidikan. Permohonan adalah terbuka kepada calon yang ingin mengikuti pengajian di peringkat siswazah di UKM dan pelajar yang sedang mengikuti pengajian siswazah mod penyelidikan secara sepenuh masa sahaja. Bagi pemohon yang telah memohon untuk mengikuti pengajian siswazah mod penyelidikan secara sepenuh masa, pembiayaan akan bermula sebaik sahaja pemohon berstatus pelajar berdaftar. Pemohon hendaklah mempunyai kelayakan akademik yang baik di peringkat ijazah sarjana muda dan/atau ijazah sarjana atau kelayakan lain yang setara dengannya.

Objektif skim:

- 1) Meningkatkan bilangan pelajar siswazah yang berkualiti, cemerlang dan sekaligus memperkasakan aktiviti penyelidikan UKM;
- 2) Meningkatkan kreativiti dan produktiviti serta semangat, kemahiran teknikal dan juga inovasi di kalangan pelajar siswazah UKM.

### **Nilai pembiayaan**

Elaun bulanan ATAU/DAN pembiayaan yuran pengajian.

- Doktor Falsafah - Elaun permulaan RM 1,800 hingga RM 2,300 sebulan
- Sarjana - Elaun permulaan RM 1,600 hingga RM 1,800 sebulan

Tarikh tutup permohonan [ **6 Ogos 2012** ]

### **Cara memohon**

Borang permohonan boleh dimuat turun di laman web Pusat Pengurusan Siswazah, UKM ([www.ukm.my/pps](http://www.ukm.my/pps)) atau pemohon boleh hadir sendiri ke Pusat Pengurusan Siswazah, Unit Hal-ehwal Pelajar, Alumni, Jaringan Industri dan Masyarakat, Blok B, Bangunan Pusat Pengurusan Siswazah untuk mendapatkan borang permohonan.

Semua permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:-

**Pengarah**

**Pusat Pengurusan Siswazah**

**Universiti Kebangsaan Malaysia**

**43600 UKM Bangi**

**Selangor.**

**(u/p - Unit Hal-ehwal Pelajar, Alumni, Jaringan Industri dan Masyarakat)**

**03-8921 5162 /3100**

**pphepa.pps@ukm.my**